

OUR SG  
HERITAGE



# PELAN WARISAN SG KITA

RINGKASAN EKSEKUTIF





6.47 juta pengunjung ke acara-acara warisan di seluruh Singapura pada 2016

\$74.3

juta disumbangkan untuk kesenian dan warisan pada 2016

A grid of seven stylized human figures with diverse features and colors, representing a multicultural community. The figures are arranged in two rows: four in the top row and three in the bottom row.

Lebih daripada  
290  
projek-projek yang  
dikelolakan oleh  
masyarakat dan disokong  
oleh Geran Lembaga  
Warisan



8.36

juta pengunjung ke muzium-muzium serta institusi-institusi kesenian dan warisan pada 2016

2

juta pengunjung ke portal warisan roots.sg



# Di Singapura, warisan kita terdapat di sekeliling kita.



Di Singapura, warisan kita terdapat di sekeliling kita dan teranyam dalam kehidupan harian kita. Warisan kita terdapat di bangunan, tapak bersejarah, muzium, objek-objek seperti karya seni dan artifak serta amalan seperti perayaan, kraf tradisional dan sajian makanan.

Sejarah Singapura yang kaya dan kepelbagaian budaya yang kita warisi merupakan ciri-ciri penting negara kita serta mencorak identiti kita sebagai warga Singapura. Kita menerima warisan daripada nenek moyang kita dan warisan ini menjadi inspirasi kehidupan kita. Oleh itu, kita perlu menghargainya dan mewariskannya kepada generasi masa depan.

Warisan merupakan gabungan kenangan, pengalaman, artifak dan tradisi kita warisi. Sebagai individu, warisan membentuk keperibadian kita.

Secara kolektif, warisan menyatukan masyarakat daripada pelbagai latar belakang, seperti keluarga, warga tua, remaja dan warga baharu melalui pengalaman yang dilalui bersama. Warisan mengupas pengalaman kita menjadi sebuah negara dan warga Singapura. Lantaran itu, warisan merupakan asas pembangunan negara dan menyatukan kita pada masa sukar. Warisan menjadi asas pembentukan diri dan membantu kita untuk menyesuaikan diri dan berkembang seiring dengan perubahan yang berlaku di sekeliling kita.

# PELAN WARISAN SG KITA

---

**Pelan Warisan SG Kita adalah pelan induk yang pertama untuk masa depan sektor warisan dan muzium Singapura.**

Pelan Warisan SG Kita adalah pelan induk yang pertama untuk masa depan sektor warisan dan muzium Singapura. Pelan ini mengandungi strategi dan inisiatif yang luas bagi sektor tersebut dari 2018 hingga 2022 dan tahun-tahun selepas itu. Pelan ini mengambil kira pencapaian dan perkembangan terkini dalam sektor ini.


Pelan ini dihasilkan sebagai respons kepada minat terhadap warisan dan muzium yang meningkat dalam kalangan warga Singapura. Tambahan lagi, semakin ramai orang ingin memainkan peranan aktif dalam melindungi dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang warisan kita. Pelan ini juga mengandungi cara-cara untuk menangani cabaran yang dihadapi dalam pemuliharaan warisan serta perubahan pesat persekitaran sosial dan ekonomi dunia global kita.

Melalui pelan ini, kami berharap dapat memupuk rasa bangga terhadap warisan kita dan perkara-perkara yang menjadikan kita warga Singapura. Hal ini termasuk usaha untuk membina masyarakat yang bersatu padu dan berdaya bingkas serta melindungi dan mempromosikan warisan Singapura agar tetap bernilai dan dihargai oleh generasi yang akan datang.

---



# PELAN WARISAN SG KITA BERTUJUAN UNTUK:



## 01

Menyatakan nilai-nilai dan pentingnya warisan untuk warga Singapura dengan jelas, terutama sekali peranannya dalam usaha untuk mengeratkan hubungan masyarakat, memperkuat jati diri dan rasa kekitaan serta meningkatkan mutu kehidupan kita.

---

## 02

Melihat semula usaha-usaha kita dalam hal-hal warisan kita beberapa tahun yang lalu, menyerlahkan usaha baik yang telah dilakukan dan mengenal pasti perkara-perkara yang belum dapat diselesaikan.



## 03

Berkongsi rancangan masa hadapan kami supaya masyarakat sedar akan usaha yang sedang dilakukan dan cara-cara mereka boleh melibatkan diri.

# MELAKARKAN RANCANGAN BERSAMA-SAMA

Dalam menghasilkan Pelan Warisan SG Kita, Lembaga Warisan Negara (NHB) telah menganjurkan lebih daripada 30 sesi perbincangan kumpulan sasaran (FGD) dan merujuk lebih daripada 730 orang peserta. Mereka yang terlibat mempunyai latar belakang yang pelbagai termasuk pakar warisan, anggota pertubuhan bukan pemerintah, ahli akademik, pengamal, pelawat muzium, sukarelawan, pendidik, belia dan pelajar. Maklumat yang kami terima amat penting untuk mengatur strategi mengenai warisan kita dan membantu kami mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diberikan tumpuan beberapa tahun akan datang.



Selepas sesi FGD, kami mendapatkan maklum balas masyarakat awam. Kami menubuhkan sebuah laman khusus (Oursgheritage.sg) pada Disember 2017 dan mengadakan pameran di beberapa buah tempat Singapura pada bulan Januari dan Februari 2018. Seramai 34,000 orang telah mengunjungi pameran dan laman tersebut dan lebih daripada 7,300 orang telah memberikan maklum balas mereka. Maklumat ini telah membantu kami membentuk visi dan strategi yang terkandung dalam laporan ini.



Lebih daripada

## 730

peserta dalam  
30 sesi perbincangan  
kumpulan sasaran



Lebih daripada

## 34,000

pengunjung  
ke pameran dan  
situs web



Lebih daripada

## 7,300

yang memberikan  
pandangan dan  
maklum balas

# APAKAH YANG INGIN KAMI CAPAI?

## VISI KAMI:

Warisan kita yang kaya dan berbilang budaya menjadi tunjang identiti warga Singapura kita.

Kami mahu mewujudkan masyarakat yang bersatu padu yang menghargai dan melibatkan diri dengan warisan kita.

Hal ini membuat kita bangga akan negara kita dan hubungan kita dengan dunia serta memberi kita keyakinan untuk menghadapi masa hadapan.



# Visi Pelan Warisan SG Kita akan tercapai melalui inisiatif yang terkumpul dalam empat bidang:



## TEMPAT KITA

***Tempat-tempat kita menjalani kehidupan kita, bekerja dan bermain meninggalkan banyak kenangan bersama. Kita mesti menjaga tempat-tempat ini supaya kisah kita dapat dikongsi dengan generasi akan datang.***

Kami akan meneroka cara untuk membolehkan masyarakat berupaya menghargai dan memahami masa lalu kita dengan memaparkan warisan dalam ruang yang kita gunakan dalam kehidupan harian kita. Kami juga akan mencari cara untuk mengekalkan sejarah dan kenangan tempat-tempat ini di samping mengambil kira tanah yang terhad di Singapura serta keperluan yang bersaing.



## BUDAYA KITA

***Tradisi dan cara hidup kita membentuk sebuah Singapura yang berbilang budaya dan kita perlu menghargainya supaya dapat dikekalkan.***

Kami akan memperkenalkan inisiatif untuk melindungi dan mempromosikan warisan budaya tidak ketara yang terdiri daripada tradisi, amalan, kraf, ekspresi, ilmu pengetahuan, dan kemahiran. Kami juga akan merakamkan warisan budaya tidak ketara dan membantu usaha untuk menyampaikannya kepada generasi akan datang dan pada masa yang sama membolehkan warisan ini berkembang dan sesuai dengan peredaran masa.



## HARTA KITA

***Muzium kita dan koleksi dalam muzium menceritakan kisah Singapura, Asia dan dunia. Hal ini membolehkan kita mengetahui diri kita dan dunia kita dengan lebih lanjut.***

Kami akan berusaha untuk menjadikan artifak dan institusi-institusi yang amat bernilai ini lebih inklusif dan boleh dinikmati oleh orang ramai. Hal ini dilakukan dengan mereka program-program menarik dan menjangkau pelbagai lapisan masyarakat. Kami juga akan mencari cara yang lebih baik untuk melindungi warisan arkeologi Singapura yang kaya.



## KOMUNITI KITA

***Warisan yang menyatukan kita adalah warisan yang kita kongsi dan kita memainkan peranan dalam pembentukannya.***

Kami akan memperkukuh usaha sama kami dengan masyarakat, kumpulan-kumpulan warisan dan sukarelawan serta menggalakkan rasa termlilik terhadap warisan Singapura. Kami akan mencari cara baharu untuk memperkasa rakan kongsi kami dan berusaha untuk menjangkau kepada khalayak ramai yang baharu menerusi teknologi dan platform digital.



# Apakah Yang Akan Dilaksanakan Menerusi Pelan?

Edisi pertama Pelan Warisan SG Kita akan membentuk usaha untuk sektor warisan dan muzium Singapura dari tahun 2018 hingga 2022. Berikut ialah ringkasannya:

## TEMPAT KITA

- A** Menggabungkan elemen-elemen warisan ke dalam perancangan, mencapai keseimbangan antara keperluan pembangunan kita dengan pemeliharaan warisan kita.
- B** Membangunkan inventori warisan yang ketara menjelang 2019 untuk mewujudkan kesedaran masyarakat dan pemahaman tentang tempat warisan kita.
- C** Memperkukuh penyelidikan dan dokumentasi bangunan, tapak dan struktur yang bersejarah.
- D** Merancakkan suasana kawasan bersejarah kita dan mempamerkan semangat dan tenaga serta ciri-ciri ruang ini.
- E** Menggabungkan elemen-elemen warisan ke dalam ruang harian dengan mempamerkan dan memperingati sejarah dan warisan pelbagai kawasan perumahan dan kejiranan yang berbeza.
- F** Menyokong dan memperkasa pemilik dan mereka yang mendiami Monumen Negara.
- G** Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang Monumen Negara dan bangunan bersejarah kita.



# HARTA KITA

- A** Membina dan mengurus Koleksi Negara kita dengan memperoleh artifak secara berterusan dan mengukuhkan kepakaran kita dalam pemuliharaan artifak-artifak ini.
- B** Membentuk Daftar Negara untuk koleksi berasaskan Singapura yang merentasi sektor awam.
- C** Meningkatkan prasarana muzium negara dan institusi warisan kita, seperti perubahan pada Muzium Gereja Kecil Changi (Changi Chapel Museum).
- D** Menjadikan muzium negara dan institusi warisan kita lebih mudah dilawati dengan menjalankan audit untuk mengenal pasti sebarang jurang, dan menyusul dengan peningkatan kepada muzium dan institusi kita.
- E** Memajukan dan mengemukakan lebih banyak pameran yang “diolah oleh Singapura” yang mempamerkan kandungan asli yang dikisahkan dari sudut pandangan Singapura.
- F** Memupuk budaya penyelidikan yang menarik dan produktif di muzium dan institusi warisan negara kita.
- G** Menanam minat pada warisan kita dalam kalangan generasi muda kita dengan meningkatkan pengalaman pembelajaran dalam lawatan sekolah ke muzium dan institusi warisan.
- H** Melindungi warisan arkeologi dengan menyemak undang-undang yang sedia ada, membangunkan rangka kerja untuk mengurus kerja-kerja arkeologi, dan membangunkan keupayaan tempatan.



# BUDAYA KITA




- A** Mengesahkan Konvensyen untuk Perlindungan Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO 2003.
- B** Membangunkan inventori warisan budaya tidak ketara menjelang 2019 untuk mewujudkan kesedaran dan pemahaman awam yang lebih luas mengenai warisan budaya tidak ketara kita.
- C** Memperkukuh penyelidikan dan dokumentasi warisan budaya tidak ketara.
- D** Memperkenalkan skim pengiktirafan untuk pengamal warisan budaya tidak ketara menjelang 2019.
- E** Meningkatkan usaha untuk mempromosikan warisan budaya tidak ketara kita contohnya dengan memanfaatkan perayaan, pameran dan program kita.
- F** Melaksanakan perubahan perundangan pada Akta NHB untuk melindungi dan mempromosikan warisan budaya yang tidak ketara di Singapura.



# MASYARAKAT KITA

- A** Menyokong lebih banyak inisiatif daripada masyarakat berasaskan geran dan latihan rakan kongsi masyarakat kami.
- B** Memudahkan pemahaman Antara masyarakat menerusi program yang mempamerkan warisan dan budaya masyarakat yang berbeza-beza.
- C** Memenuhi keperluan pelbagai masyarakat dan menjangkau pelbagai segmen masyarakat, termasuk warga emas dan golongan yang mempunyai keperluan istimewa.
- D** Menggalakkan akses yang lebih luas kepada warisan kita dengan menggunakan teknologi dan menyampaikan maklumat-maklumat warisan baharu secara dalam talian.
- E** Menggalakkan lebih banyak kedermawanan dan sukarelawan yang berunsurkan budaya.





Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kongsi, pemegang amanah harta, agensi-agens dan warga awam yang telah membantu mencorak Pelan Warisan SG Kita.

